



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS FLAG OFF MISI SUKARELAWAN SISWA YSS
GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN KE VIETNAM
2024**

4 JULAI 2024

4.00 PETANG – 5.00 PETANG

**DEWAN SERBAGUNA ARAS 1
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Selamat petang, Salam Perpaduan Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada **50 orang sukarelawan siswa daripada 34 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** seluruh negara kerana terpilih dalam menyertai **Misi Sukarelawan Siswa YSS Green Summer Volunteer Campaign (GSVC) ke Vietnam 2024**.
2. Saya difahamkan seramai **1,040 mahasiswa** daripada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Politeknik dan Kolej Komuniti telah **hadir sesi temuduga** pada bulan Mac yang lalu. Daripada jumlah tersebut, 50 orang sukarelawan siswa telah terpilih ke Vietnam atas prestasi luar biasa semasa sesi temuduga, lulus tapisan kesihatan mental dan fizikal.
3. Untuk makluman semua, pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara melalui Yayasan Sukarelawan Siswa telah mengerakkan **misi sukarelawan ke 12 lokasi di Sabah dan Sarawak**. Misi ini telah melibatkan seramai **189 sukarelawan**

dengan pelaksanaan sebanyak 330 projek sukarelawan. Tahniah diucapkan kepada semua sukarelawan yang telah terlibat sama pada tahun lalu.

MISI SUKARELAWAN SISWA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. ***Green Summer Volunteer Campaign*** Vietnam dianjurkan **sejak tahun 1994** dan melibatkan lebih daripada 100,000 orang belia setiap tahun untuk menyertai program yang berteraskan kesukarelawanan dan komuniti selama sebulan.
5. Malaysia melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah menerima jemputan daripada **kerajaan Vietnam** untuk menyertai ***Green Summer Volunteer Campaign*** di Vietnam semasa cuti musim panas sejak tahun 2012 lagi.
6. Saya yakin bahawa saudara/saudari yang menyertai Misi Sukarelawan Siswa di Vietnam selama sebulan ini **dapat “immerse” dengan komuniti di sana, seterusnya “winning people’s hearts, mind and soul beyond borders”**.

7. Saya telah dimaklumkan bahawa antara projek utama yang akan digerakkan oleh para sukarelawan siswa dari Malaysia adalah **projek membina rumah persahabatan, menaik taraf jalan, baik pulih taman permainan, membuat landskap di kawasan komuniti, penyediaan kawasan pembuangan sampah dan aktiviti menanam pokok.**
8. Sehubungan dengan itu, saya berharap setiap sukarelawan agar mempamerkan nilai patriotisme yang tinggi. **Selama sebulan di Vietnam, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menjaga nama baik Malaysia.**

KESUKARELAWAN TUNJANG PERPADUAN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

9. Penyertaan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti yang bertunjangkan kesukarelawan mampu melahirkan para belia yang bersemangat patriotik dan muhibbah yang tinggi. **Misi Sukarelawan Siswa yang dilaksanakan oleh YSS amat bertepatan dengan tiga objektif utama Dasar Perpaduan Negara itu iaitu:**

- mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
 - membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab;
 - melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.
10. Strategi ke-8 Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2023 turut menggariskan berhubung **pengukuhan tapak integrasi perpaduan**. Ia menggariskan supaya menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.
11. Dalam majlis ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa **tema baru bagi kesemua Misi Sukarelawan Siswa anjuran YSS adalah Kesukarelawanan Tunjang Perpaduan**. Tema ini tentunya **mendukung aspirasi Malaysia MADANI** dan slogan **Segulai Sejalai** yang mengutamakan nilai kebersamaan, ihsan dan kasih sayang.

12. Kesukarelawan harus menjadi intipati kepada integrasi sosial yang dapat digunakan untuk meningkatkan keupayaan dan pembangunan komuniti. Budaya kesukarelawan dalam kalangan generasi muda perlu diperkasakan kerana ia mampu meningkatkan semangat cintakan negara, dan saling hormat menghormati antara kaum di negara ini.
13. **KPN berharap agar YSS diangkat menjadi peneraju dan *focal point* utama bagi aspek kesukarelawan belia di negara ini.** Bagi tujuan tersebut, Kementerian akan bekerjasama erat dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) agar **YSS dapat memberikan khidmat sokongan kepada pembangunan sukarelawan siswa di peringkat IPT melalui program kokukurilum berkredit.**

PENUTUP

14. Jadikan pengalaman ini satu titik permulaan untuk para sukarelawan terus berkhidmat dan berkecimpung dalam dunia kesukarelawanan. Dengan ini, saya ingin **melancarkan Misi Sukarelawan Siswa YSS Green Summer Volunteer Campaign (GSVC) ke Vietnam 2024.**

Sekian, terima kasih.